

TYT Hadir
VC Copy

TEKS UCAPAN

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

**MAJLIS KONVOKESYEN KE 15 UTeM
2 DISEMBER 2019 (ISNIN)
(SESI 1)**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar, Hijau, Bersih.

Yang Amat Dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob,
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Tuan Yang Terutama Tun Canselor kerana dapat bersama-sama menyempurnakan Majlis Konvokesyen UTeM ke 15. Kehadiran Tuan Yang Terutama, pastinya menyemarakkan lagi semangat dan memberi inspirasi kepada UTeM untuk menjadi institusi pendidikan tinggi teknikal yang terunggul, bukan sahaja di rantau ini malah di persada antarabangsa. Saya percaya, di bawah kepimpinan Tuan Yang Terutama Tun, matlamat dan misi UTeM akan dapat terus disuburkan sebagai peneraju dalam pembangunan modal insan TVET, yang berkemahiran tinggi dan kompeten, sekali gus berupaya menyumbang kepada penciptaan kemajuan Negara. Insya Allah.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.

Yang Berbahagia Datuk Wira Ismail bin Saleh

Pro Canselor UTeM

Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar

Pro Canselor UTeM

Yang Berbahagia Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali

Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM

Yang Berhormat Datuk Seri Hasim bin Hasan

Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Merangkap Ahli Lembaga Pengarah UTeM

Yang Berbahagia Datuk Syed Hussain Al-Junid

Pengerusi Kumpulan, Western Digital Sdn. Bhd. dan Media PRIMA Berhad sebagai Penerima Ijazah Doktor Kehormat

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UTeM

Datuk-Datuk, Datin Wira, Datin-Datin, Naib Canselor-Naib Canselor, Rektor-rektor, Wakil-Wakil universiti, Wakil-Wakil Industri, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Akademik, Pegawai Tadbir dan Sokongan, Ibu Bapa serta Para Graduan Yang Dikasihi Sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Istiadat Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka ke-15 pada pagi yang amat bersejarah ini.

Selamat Datang ke Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

**Amanah ku galas janji dikotakan,
Mencapai impian maruah diperkasa,
Konvokesyen ke-15 kami raikan,
Martabat graduan legasi bangsa.**

Sidang Hadirin sekalian,

Bagi pihak seluruh warga Universiti, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing, sehingga layak bergelar graduan, pada Majlis Konvokesyen kali ini.

Pepatah Melayu mengatakan, “Laut Mana Yang Tak Berombak, Bumi Mana Yang Tak Ditimpa Hujan”, yang bermaksud segala usaha pasti ada cabarannya.

Namun, hari ini menjadi saksi bahawa setiap pengorbanan dan kegigihan yang telah saudara-saudari semua curahkan selama ini, telah pun membawa hasil. Ini membuktikan keupayaan anda semua melonjak potensi diri agar terus cemerlang demi masa depan keluarga, masyarakat dan negara.

Semestinya, hari ini, melakar sejarah peribadi yang amat bernilai dalam diri saudara-saudari, dengan penganugerahan segulung ijazah yang bakal diterima di dalam majlis penuh istiadat ini.

Sebagai ibu bapa dan penjaga, saya pasti tiada yang lebih indah, selain dari melihat hasil segala penat-lelah membesar dan mendidik anak-anak, akhirnya, membawa kejayaan.

Sesungguhnya bekalan ini amat bernilai kepada graduan sebagai pembuka peluang, untuk menjadi insan terbilang dalam menyumbang bakti seikhlasnya selepas ini.

Saya juga, ingin merakamkan sekalung penghargaan serta syabas, kepada para pendidik dan warga kerja UTeM, yang telah memastikan mahasiswa di Universiti ini, dapat mengharungi pengajian dan kehidupan mereka dengan penuh bermakna di Universiti tercinta ini. Semoga Allah SWT memberi rahmat dan barakah, di atas segala usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan dalam menghasilkan graduan yang berilmu dan dinamik.

Para Hadirin Sekalian,

Dikesempatan ini juga, saya mewakili seluruh warga Universiti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Sabirin bin Ja'afar di atas pelantikan sebagai Pro Canselor UTeM yang baharu. Diharapkan pelantikan ini, mampu melonjakkan lagi kecemerlangan dan kegemilangan Universiti ke aras yang lebih terbilang.

Pada sesi pertama majlis konvokesyen ini juga, bakal menyaksikan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Teknologi Kejuruteraan, kepada Yang Berbahagia Datuk Syed Hussain Al-Junid, Pengurus Kumpulan, Western Digital Sdn. Bhd. dan Media PRIMA Berhad, di atas kecemerlangan beliau dalam sektor perindustrian bertaraf dunia. Pengalaman dan jaringan beliau yang begitu meluas telah disumbangkan kepada UTeM menerusi pemerkasaan sinergi universiti-industri, selain turut terlibat dalam menjayakan program-program anjuran Universiti khususnya di kedua-dua Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Di kesempatan ini juga, saya, bagi pihak Universiti, ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada lebih daripada seratus rakan strategik industri dan agensi yang senantiasa memberikan sokongan berterusan kepada UTeM dalam memartabatkan lagi kecemerlangan pelajar dan graduan Universiti ini.

Para Hadirin sekalian,

Majlis konvokesyen kali ini menyaksikan penganugerahan kepada **2,993** graduan yang merangkumi **21** penerima Ijazah Doktor Falsafah, **seorang** penerima Ijazah Doktor Kejuruteraan, **240** Ijazah Sarjana, **2,245** Ijazah Sarjana Muda dan **486** Diploma.

Alhamdulillah, sehingga kini UTeM telah berjaya melahirkan seramai **29,411** graduan sejak Majlis Konvokesyen pertama yang diadakan pada tahun **2005**.

Para hadirin sekalian,

Sebagai makluman, selain daripada anugerah-anugerah hadiah akademik dan industri, julung kalinya mulai Majlis Konvokesyen tahun ini, Anugerah Khas TUAH diperkenal dan dianugerahkan kepada graduan UTeM. Penerima anugerah ini bukan sahaja mencapai profil akademik yang mantap, malah memiliki semua atribut definisi TUAH iaitu Tangkas, Unggul, Adaptif dan Holistik. Ini merangkumi semangat individu dalam aspek kesukunan dan kesukarelawanan yang tinggi, kepimpinan yang unggul dan keberanian yang jitu.

Sidang Hadirin Sekalian,

Pada tahun ini, genaplah usia 19 tahun penubuhan Universiti tercinta ini. UTeM kini dikenali dan dirujuk oleh pelbagai institusi pendidikan dan industri terkemuka tempatan dan antarabangsa.

Tidak syak lagi, di mata mereka, UTeM diiktiraf sebagai Universiti Awam Teknikal yang berperanan penting dalam mendokong agenda pemerkasaan pendidikan tinggi teknikal dan vokasional atau TVET, dalam menghasilkan tenaga mahir berkemahiran tinggi yang amat diperlukan, bagi mencapai status negara yang maju dan sejahtera.

Berpaksikan moto Kompetensi Teras Kegemilangan serta tagline Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui, UTeM terus mara melangkah bagi mencapai hasrat untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia, dan kekal relevan serta cemerlang dalam persaingan dunia globalisasi – Revolusi Industri 4.0.

Dalam memastikan program akademik yang mempunyai kebolehpasaran dan kebolehkerjaan tinggi, UTeM sentiasa melibatsamakan tenaga pakar dari institusi dan industri ternama bagi menambahbaik aspek kurikulum program akademik yang ditawarkan.

Alhamdulillah, UTeM telah menyahut permintaan yang semakin meningkat terhadap program akademik yang menjurus kepada bidang teknologi, dengan menawarkan dua program akademik baru, mulai sesi kemasukan September yang lepas, iaitu Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dan Sarjana Muda Teknologi Pemesinan dengan kepujian. Inisiatif ini secara langsung, memberi manfaat kepada lepasan graduan Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Vokasional Malaysia untuk meneruskan pengajian mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Di samping itu, pengukuhan program kejuruteraan, kejuruteraan teknologi, ICT dan pengurusan teknologi terus diberikan perhatian khusus, memandangkan bidang-bidang ini sentiasa mendapat permintaan tinggi dalam memenuhi keperluan industri.

Sidang Hadirin sekalian,

Dalam usaha merintis teknologi masa hadapan, UTeM telah membangunkan gerak kerja yang dinamik dan berstrategik agar aspek penyelidikan dan inovasi terus makmur serta terkehadapan.

Alhamdulillah, bidang penyelidikan dan inovasi Universiti diperkuuhkan menerusi penerimaan geran penyelidikan antarabangsa bernilai lebih daripada Dua juta Ringgit Malaysia, sumbangan dari XinYi Solar Sdn. Bhd., Erasmus Plus bersama FH JOANNEUM University of Applied Sciences, Graz Austria, Eindhoven University of Technology, Holland dan banyak lagi.

Kepakaran para penyelidik UTeM turut diiktiraf di peringkat dunia menerusi pelantikan sebagai ketua kajian penyelidikan fenomena kilat di Antartika, penerimaan anugerah Blockchain Global Leadership Award Under Education Category dan lain-lain lagi.

Sidang Hadirin sekalian,

Sebagai sebuah Universiti Teknikal tunggal di Negeri Melaka, UTeM juga sentiasa memastikan kepakaran dan teknologi universiti ini dapat dinikmati oleh masyarakat setempat. UTeM merupakan Ketua Kluster Smart Environment and Energy 2019 sehingga 2030 dan merupakan rakan strategik utama Kerajaan Negeri Melaka dalam menjayakan inisiatif Melaka Smart River 2019, menerusi projek pemantauan kualiti air, pemantauan banjir dan kelestarian Sungai Melaka.

Insya Allah, menerusi kolaborasi strategik ini, hasrat untuk menjadikan Melaka sebagai destinasi pelancongan utama negara dapat diutuhkan.

Sidang Hadirin Sekalian,

Dalam usaha melahirkan graduan yang dinamik, UTeM senantiasa menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dalam aktiviti-aktiviti berpersatuan, kelab dan pertandingan, yang mana secara langsung, mampu meningkatkan daya saing dan kemahiran insaniah para pelajar. Kejayaan demi kejayaan diperolehi oleh para pelajar UTeM di sepanjang tahun ini, antaranya:

- i. MengUngguli Anugerah Kepimpinan Tertinggi University Leadership Development Program-ULDP 2019;
- ii. Menjuarai pertandingan inovasi peringkat kebangsaan - UniMAKER 2019;

- iii. Menjuarai XPAX Kejohanan e-Sukan Kampus 2019 bagi zon selatan;
- iv. Johan dalam pertandingan SHELL Selamat Sampai Varsity Challenge 2019.
- v. Menang di Intel University Industry Challenge 2019 dengan produk Intelligent Street Lighting System for Smart City,
- vi. Juara IIUM Robotic Competition 2019 kategori Remote Operated Underwater Vehicle.
- vii. Merangkul kecemerlangan di Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2019 dalam kategori Inovasi ICT,
- viii. Mengungguli Kejohanan 9th Tirak Taekwando International Championship 2019, memperoleh pingat Gangsa di Kejohanan Sukan Universiti Dunia bertempat di Napoli, Itali;
- ix. Gangsa dalam Kejohanan Varsiti Boat Race 2019, dan pelbagai kemenangan lagi.

Lebih membanggakan, menerusi hasil kajian keberkesanan graduan 2018, 87.46% graduan UTeM telah berjaya menarik perhatian para majikan di dalam pelbagai sektor pekerjaan terutamanya syarikat swasta – Multinational Companies dan tempatan. Pencapaian ini secara langsung, meletakkan UTeM di tempat ketiga dalam peratusan GE di kalangan 20 Universiti Awam di negara ini.

Selain itu, peratusan graduan yang menceburui bidang keusahawanan turut menunjukkan peningkatan, lantas membuktikan bahawa graduan UTeM bukan sahaja memiliki ilmu pengetahuan yang meluas, malah turut memiliki kekuatan mental dan kerohanian yang tinggi bagi menceburkan diri dalam dunia keusahawanan yang ternyata semakin kompetitif.

Insya Allah, menerusi pelbagai inisiatif pemerkasaan siswa yang telah dan bakal dibangunkan menerusi konsep TUAH UTeM, Universiti amat yakin, graduan yang dihasilkan oleh UTeM bukan sahaja tangkas, unggul, adaptif dan holistik, malah senantiasa bersiapsiaga dengan kualiti peribadi yang terbilang bagi mengharungi pelbagai cabaran alam pekerjaan yang semakin kompleks .

Para graduan yang dikasihi,

Sesungguhnya, hari ini, anda semua telah berjaya sampai ke mercu kejayaan, setelah bertahun berjuang dalam merealisasikan hasrat bergelar mahasiswa dan mahasiswi UTeM yang tercinta ini.

Malahan, dengan tergenggamnya segulung ijazah pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, keluarga, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik saudara-saudari sejak di bangku sekolah dahulu.

However, Graduation isn't the end of a tough journey. It is the beginning of a beautiful one...

Justeru, saya ingin berpesan kepada para graduan agar terus meningkatkan potensi diri anda dan cetuskanlah idea-idea yang bernalas, kreatif dan inovatif untuk manfaat serta kemajuan diri, keluarga, masyarakat, agama dan Negara. *Let's RISE together.*

Saya percaya, dengan kemantapan ilmu pengetahuan dan pengalaman di sepanjang pengajian di UTeM ini, anda semua layak menjadi penyumbang solusi atau *solution provider* yang dapat mensejahterakan lagi ekosistem akademia, industri dan masyarakat di negara ini.

Para graduan sekalian,

Saya menaruh harapan agar saudara-saudari semua akan tegar menjaga nama baik Universiti tercinta ini, apabila melangkah ke fasa seterusnya, sama ada sebagai warga kerja, ataupun dalam menimba ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Jadilah alumni UTeM yang sentiasa **berbahasa kepada yang memberi, setelah merasa kebaikan daripada pihak yang berbudi.** Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa juar bidang yang diceburi.

“Your career will take you through unknown twists and turns but it is your education which will be the pillar you can always lean on.

Go confidently in the direction of your dreams and live the life you have always imagined.”

Kepada ibu bapa dan para penjaga sekalian, sekali lagi, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya ucapkan, kerana telah terbukti bahawa segala doa dan usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia, sama sekali.

Para Graduan sekalian,

Jangan sesekali melupakan jasa dan pengorbanan ibu bapa dan penjaga. Pengorbanan dan kasih sayang mereka tiada galang gantinya. Ingatlah, di atas berkat doa dan kasih sayang yang diberikan oleh ibu bapa dan penjaga selama ini memungkinkan anda bergelar graduan pada hari ini. Justeru itu, tunaikanlah segala janji yang pernah anda lafazkan kepada mereka.

“At the end of the day, the most overwhelming key to a child’s success is the positive involvement of parents” - Jane D.Hull

Hadirin dan Hadirat, Para Graduan yang dikasihi sekalian,

Marilah kita **berikan tepukan yang paling gemuruh** tanda kasih sayang dan terima kasih kepada semua ibu bapa dan penjaga, saudara mara dan para pensyarah atas pengorbanan dan jasa mereka selama ini.

Kini anda merupakan Duta UTeM. Jagalah nama baik UTeM dan pertahankanlah sifat intergriti dan nilai murni dalam diri anda. Ingatlah walaupun anda telah menamatkan pengajian di UTeM, namun peluang anda untuk membantu UTeM mencipta kejayaan demi kejayaan sentiasa terbuka luas menerusi penglibatan dalam Persatuan Alumni UTeM dan sumbangan-sumbangan yang berterusan melalui tabung wakaf serta endowmen UTeM bagi menyokong aktiviti kesarjanaan ilmu di Universiti ini.

Biar di mana sekalipun saudara saudari berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UTeM di sudut hati saudara-saudari. Biarlah UTeM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa sahaja perancangan yang saudara-saudari lakukan.

Akhir kata, kembalilah ke bumi tercinta Melaka, dan kembalilah ke Kampus berTUAH UTeM. *UTeM is Melaka, Melaka is UTeM.* Ini UTeM kita... *UTeM Myhome.*

Indah puisi legasi warisan,
Seni kekal tidak terbahagi;
Menggilap potensi kepelbagaian insan,
Berkemahiran teknikal bersahsiah tinggi.

Melawan arus pulang ke desa,
Janji bertemu di tepi muara;
Generasi penerus harapan bangsa,
Semarak ilmu membangun Negara.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Tun Canselor di atas kesudian hadir ke Majlis Konvokesyen UTeM Ke 15. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor, begitu besar ertinya buat kami semua.

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.